



SMART TEAM

JABATAN PERBENDAHARAAN

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

**MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM
PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2023**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Cukai taksiran atau cukai pintu adalah cukai yang dikenakan terhadap semua pegangan atau harta tanah di kawasan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL). MPKL mempunyai pegangan sebanyak 90,183 bilangan akaun dengan jumlah cukai terkumpul sebanyak RM 40 juta di kawasan pentadbiran Kuala Langat pada tahun 2020. Jumlah tunggakan cukai pula untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM 7.03 juta. Kuasa untuk mengenakan cukai taksiran adalah selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah Seksyen 127 yang membolehkan MPKL mengenakan kadar ke atas pegangan-pegangan yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran MPKL.

Tugas pemilik sebagai pembayar cukai di dalam kawasan pentadbiran MPKL adalah membayar cukai taksiran sebanyak 2 kali setahun iaitu sebelum 28 Februari (Penggala Pertama) dan sebelum 31 Ogos (Penggala Kedua) tiap tahun. Walau bagaimanapun, pemilik boleh membuat bayaran untuk tempoh satu tahun penuh di kaunter bayaran MPKL dan juga di saluran-saluran pembayaran yang disediakan seperti perbankan internet, JomPAY, Pejabat Pos dan lain-lain.

Jika pemilik tidak menjelaskan cukai dalam tempoh tersebut, Notis (Borang E) akan dikeluarkan dan dihantar oleh Penghantar Notis untuk diserahkan kepada pemilik dan mereka dikehendaki menjelaskannya dalam masa 14 hari daripada tarikh notis. Sekiranya masih gagal, waran sitaan akan dikeluarkan kepada pemilik. Waran ini membolehkan pihak MPKL menyita harta-harta yang terdapat di dalam premis atau tanah pemilik.

Punca utama kepada permasalahan ini adalah kakitangan MPKL mengambil masa yang lama untuk merekod notis yang telah diserahkan kepada pelanggan dan masalah ini harus diselesaikan untuk mendapatkan kualiti kerja yang efisien dan hasil yang terbaik. Tindakan yang cepat perlu diambil untuk mengelakkan masalah tunggakan cukai yang tinggi. Jika masalah ini tidak dibendung, MPKL tidak dapat memberikan perkhidmatan atau prasarana yang berkualiti kepada para pelanggan disebabkan tunggakan cukai yang tinggi kerana dana yang tidak mencukupi. Kekangan bahan dan peralatan yang dihadapi memperuntukkan masa yang lama untuk mengemaskini notis yang telah diserahkan juga menjadi punca masalah untuk projek ini berdasarkan pemerhatian yang diperolehi dari Penghantar Notis.

Kelemahan lain yang dikenal pasti adalah sistem kerja yang tidak sistematik. Keratan notis yang telah diserahkan tidak tersusun dan teratur menyebabkan terdapat kesilapan atau ketinggalan semasa merekod serahan notis. Ini akan menyebabkan pegawai yang bertanggungjawab untuk penyediaan fail waran mengalami kesukaran untuk mendapatkan laporan tunggakan cukai yang tepat dan terkini. Selain itu, kesilapan semasa merekodkan data ke dalam sistem juga boleh menjadi punca masalah. Semakan data tunggakan secara manual adalah tidak praktikal untuk bilangan pegangan yang banyak kerana akan berlaku kekeliruan data yang terkini.

Berdasarkan petikan akhbar Berita Harian bertarikh 11 Mac 2021, kefahaman dan kesedaran membayar cukai taksiran dalam kalangan rakyat perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa untuk mengelakkan tunggakan cukai taksiran yang tinggi. Projek ini dijalankan bertujuan untuk memudahkan kakitangan dalam meningkatkan hasil kutipan tunggakan cukai MPKL dan memberikan kualiti penyampaian perkhidmatan yang terbaik di MPKL. Bagi pelanggan atau pembayar cukai, projek ini akan membuatkan pelanggan lebih peka akan tanggungjawab mereka untuk membayar cukai. Jika tidak pelanggan akan dikenakan denda caj lewat atas kelewatan membayar cukai. Di samping itu, kelebihan yang turut diterima dengan penambahbaikan ini adalah notis akan menjadi lebih tersusun dan teratur sekali gus

penyediaan waran sitaan dapat dilaksanakan dengan lebih tepat dan efisien, penjimatan dari segi masa dan tenaga kerja, tindakan undang-undang dapat dilaksanakan dengan cepat dan lain-lain.

Penambahbaikan ini bertujuan memantau aktiviti serahan notis sebagai bantuan bagi mempercepatkan proses penyediaan waran sitaan. Ia digunakan mengikut kesesuaian dan keperluan semasa di lokasi di samping memberi kemudahan serta dapat membantu mengingatkan para pelanggan MPKL akan tanggungjawab membayar cukai taksiran.

Penggunaan modul ini telah memberi kemudahan dari segi cara bekerja kepada kakitangan dan juga dapat memberi kesedaran atau peringatan kepada para pelanggan MPKL yang terdiri daripada pembayar cukai, peniaga dan juga pelabur. Penggunaan modul ini di kalangan kakitangan yang diberi tanggungjawab amat membantu dalam meningkatkan hasil kutipan cukai di mana pelanggan datang untuk menyelesaikan bil cukai taksiran lebih awal. Kini tiada lagi alasan yang boleh diberikan oleh para pelanggan jika mereka tidak menerima notis daripada pihak MPKL untuk membuat bayaran.

Penggunaan modul ini juga dapat menjimatkan masa kerana kakitangan tidak perlu membuat semakan notis secara manual dalam penyediaan fail waran untuk operasi sitaan. Ini kerana modul tersebut membantu mempercepatkan proses dan membantu kakitangan dalam memantau notis yang telah tamat tempoh tanpa perlu kakitangan membuat semakan secara manual.

Laporan serahan notis juga dapat disediakan secara harian untuk proses mengemaskini transaksi serahan notis yang dilakukan oleh Penghantar Notis. Proses mengemaskini data atau maklumat notis dapat dilakukan dengan cepat, mudah, ringkas dan menjimatkan masa serta dapat mengelakkan kesilapan semasa penyediaan laporan.

Outcome dari projek ini dapat mengurangkan tunggakan cukai taksiran MPKL dan memberi penjimatan masa dalam proses kemasukan data serahan notis untuk tujuan penyediaan waran tahanan. Pegawai Waran boleh merujuk terus kepada laporan serahan notis di sistem selepas Penghantar Notis merekodkan serahan notis yang dibuat. Laporan serahan notis yang dapat dipantau dari masa ke semasa menjadikan kerja lebih cepat dan tindakan operasi waran sitaan dapat diambil dengan pantas untuk meningkatkan kutipan tunggakan cukai taksiran. Pelanggan juga akan lebih peka dan bertanggungjawab dalam membayar cukai kerana berasa takut caj denda lewat dikenakan kepada mereka atau harta mereka disita kerana kekerapan tindakan kakitangan melakukan operasi. Pengurusan tertinggi juga akan berpuas hati dengan penurunan kadar tunggakan cukai taksiran sekali gus mencapai sasaran kerja tahunan yang telah disasarkan kepada jabatan dan menjadikan perkhidmatan lebih berkualiti dan efisien, menjimatkan masa serta meningkatkan imej dan hasil MPKL.


BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG KUMPULAN DAN PROJEK KIK

PENGENALAN KUMPULAN KIK

Latar Belakang Kumpulan

Nama Kumpulan	:	SMART TEAM
Nama Organisasi	:	MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
Alamat	:	PERSIARAN MAJLIS JALAN SULTAN ALAM SHAH 42700 BANTING SELANGOR DARUL EHSAN
No. Telefon & Faks	:	03 – 31872825 03 – 31879304
Emel	:	kamarulzaman@mpkl.gov.my
Tarikh Kumpulan Ditubuhkan	:	1 September 2020
Bilangan Ahli	:	10 orang
Tarikh Siap Projek	:	31 Disember 2021
Senarai Ahli Kumpulan	:	
1) Muhammad Hafizi Bin Abd. Aziz	-	Ketua Kumpulan
2) Noor Adilah binti Jasmawardi	-	Setiausaha
3) Nur Amira Saadiyah binti Abdul Razak	-	Dokumentasi
4) Izzah Eliza binti Rosnizan	-	Pentadbiran
5) Mohd Zain bin Mohd Rudin	-	Teknikal
6) Muhammad Haziq bin Kamaruddin	-	Teknikal
7) Iffa Elyna binti Atan	-	Multimedia
8) Megat Muhammad Lutfi bin Abdul Aziz	-	Data/Statistik
9) Mohammad Darwin bin Mohd Diah	-	Data/Statistik
10) Muhammad Muizzuddin bin Moxsin	-	Data/Statistik

Gambar Kumpulan



SMART TEAM

BAHAGIAN 1 : PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

Pengurusan MPKL telah memainkan peranan yang penting bagi menjana kreativiti dikalangan warga kerjanya. **Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)** telah ditubuhkan bagi memastikan inovasi dan kreativiti menjadi satu budaya kerja.

Pengurusan MPKL juga telah bersetuju mewujudkan satu **tabung inovasi** bagi membolehkan aktiviti dan program-program inovasi terus berkembang di dalam organisasi ini. Selain itu, satu jawatankuasa urus setia telah diwujudkan untuk menyelaraskan aktiviti KIK seperti pendaftaran dan operasi kumpulan serta menubuhkan jawatankuasa kecil bagi tujuan latihan, promosi dan sebagainya

MPKL juga menjadikan pertandingan-pertandingan inovasi dan kreativiti sebagai program tahunan seperti **Pertandingan Mini Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) MDKL** dan **Pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor** sebagai pemangkin semangat kakitangan dalam mencari kreativiti bagi memudahkan kerja harian. Pihak pengurusan MPKL juga memberi pengiktirafan kepada ahli-ahli KIK yang telah berjaya memperkenalkan sistem atau cara bekerja baru, inovasi atau penambahbaikan. Ini bertujuan untuk menggalakkan penglibatan kakitangan dalam KIK dan seterusnya mengekalkan KIK yang sedia ada.

Projek ini telah mendapat kelulusan dan sokongan pelaksanaannya daripada Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif & Kreatif MPKL. Sokongan daripada pihak pengurusan seperti:

- i) Surat pelantikan Ketua Kumpulan, Setiausaha Kumpulan, ahli kumpulan daripada Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif & Kreatif MPKL seperti di Lampiran 1
- ii) Pemberian latihan dan kursus KIK yang telah dilaksanakan pada 8 hingga 10 Disember 2021 seperti di Lampiran 1A
- iii) Perbincangan secara bersemuka bersama pihak perunding yang dilantik oleh MPKL sebagai pakar rujuk bagi memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar keatas pelaksanaan projek KIK seperti di Lampiran 1B
- iv) Sokongan melalui aspek sumber kewangan kepada kumpulan Smart Team untuk melaksanakan projek. Kumpulan di beri sumber kewangan dari pihak Jawatankuasa berjumlah RM200.00 untuk melaksanakan projek KIK

Kumpulan Smart Team telah mengemukakan surat permohonan kebenaran melaksanakan projek kepada Pengarah Jabatan Perbendaharaan dan telah mendapat kelulusan dari Pengarah Jabatan. Mesyuarat kumpulan telah dilaksanakan bagi memastikan inovasi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Minit mesyuarat kumpulan seperti di Lampiran 1C.

BAHAGIAN 2 : SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN

a) Kaitan Dengan Misi dan Objektif Majlis Perbandaran Kuala Langat

Misi MPKL : Merakytakan Perkhidmatan Perbandaran yang cekap seiring dengan perkembangan teknologi menerusi pembangunan secara saksama dan bertanggungjawab melalui tadbir urus yang inovatif untuk kesejahteraan rakyat.

Objektif MPKL : Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan

b) Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pemegang Taruh (Stakeholder)

Inovasi penambahbaikan ini memenuhi kehendak pelanggan dan stakeholder dengan menambah baik keadaan ekosistem semasa berkaitan pembersihan longkang dengan cara yang terbaik untuk keselesaan penduduk dan ia selaras dengan Dasar Kualiti MPKL dan salah satu Piagam Pelanggan MPKL.

Dasar : Majlis Perbandaran Kuala Langat bertanggungjawab memberikan Kualiti MPKL perkhidmatan perbandaran yang efisien, berkualiti dan mesra pengguna demi kepuasan pelanggan.

Piagam

Pelanggan MPKL : Menyediakan dan menyelenggara kemudahan prasarana dan infrastruktur dengan cara yang terbaik untuk keselesaan penduduk

c) Sejalan Dengan Agenda Dan Matlamat Nasional

Sejalan Dengan Agenda dan Matlamat Nasional, projek ini seiring dengan konsep perkhidmatan awam dan dasar-dasar utama peringkat nasional iaitu:

I. CTI-PCI

- Konsep “Cepat, Tepat, dan Integriti”. Memastikan perkhidmatan cekap kerajaan dinikmati rakyat.
- PCI pula adalah Productivity, Creativity dan Innovation.

II. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK 12) merujuk kepada perkara ke Sembilan daripada sembilan fokus utama RMK Ke- 12 iaitu

- Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam dan Memastikan Pelaksanaan Dasar yang Berkesan.



d) Kaitan Isu / Masalah Dengan Keadaan Dan Ekosistem Semasa

lanya memenuhi dan memberi penekanan kepada keperluan semasa aspek penyampaian perkhidmatan. Isu atau permasalahan ini mendapat perhatian di media massa seperti surat khabar, televisyen, majalah serta lain-lain media sosial.



e) Kaedah Pemilihan Projek Dan Analisis

Melalui sesi percambahan fikiran, kumpulan telah mengenalpasti 4 masalah yang sering berlaku di Jabatan Perbendaharaan iaitu:

- I. Kadar Serahan Notis Rendah
- II. Kaedah Penyampaian Bil Cukai Taksiran Kurang Efisien
- III. Tidak Dapat Resi Serta Merta Untuk Bayaran Online
- IV. Peringatan Tentang Bayaran Cukai Di Akhbar, Media Sosial dan Billboard Kurang Efektif

Seterusnya bagi menentukan pemilihan projek, Matriks Keutamaan dibangunkan bagi mendapatkan pemilihan masalah yang paling utama. Kumpulan telah memilih satu (1) masalah yang paling utama iaitu **Kadar Serahan Notis Rendah** sebagai masalah yang perlu diselesaikan.

BIL	SENARAI PENDEK MASALAH	ADUAN PELANGGAN	SERAHAN NOTIS YANG TAK EFFESIEN	SIKAP KAKITANGAN YANG SAMBIL LEWA	TEGURAN AUDIT	JUMLAH MARKAH
	PEMBERAT	X4	X3	X2	X1	
1	KADAR SERAHAN NOTIS RENDAH	8X4=32	8X3=24	10X2=20	5X1=5	81
2	KAEDAH PENYAMPAIAN BIL CUKAI TAKSIRAN	10X4=40	5X3=15	1X2=2	1X1=1	58
3	TIDAK DAPAT RESIT SERTA MERTA UNTUK BAYARAN ONLINE	7X4=28	1X3=3	7X2=14	1X1=1	46
4	PERINGATAN TENTANG BAYARAN CUKAI DI AKHBAR, MEDIA SOSIAL & BILLBOARD	6X4=24	5X3=15	4X2=8	3X1=3	50

JADUAL 1

Skala: 1 = Amat Rendah, 10 = Amat Tinggi



Kumpulan telah menjelaskan masalah dengan menggunakan teknik 5W 1H seperti berikut:

WHAT	Apakah masalah yang berlaku? - Kadar serahan notis rendah
WHY	Mengapakah masalah ini berlaku? - Kakitangan mengambil masa yang lama untuk merekod notis yang telah diserahkan kepada pelanggan
WHEN	Bilakah masalah ini terjadi? - Apabila MPKL mencatat jumlah tunggakan cukai yang tinggi.
WHERE	Di manakah masalah ini terjadi? - Di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat yang dikenakan cukai taksiran.
WHO	Siapakah yang terlibat? - Pembayar Cukai dan Kakitangan MPKL
HOW	Bagaimana masalah ini boleh di atasi? - Sistem ini dapat menjimatkan masa kerana kakitangan tidak perlu membuat semakan notis secara manual dalam penyediaan fail waran untuk operasi sitaan.

Jadual 2 : Teknik 5W 1H

f) PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

1) Pengumpulan data sebelum projek :

Kumpulan telah membuat pengumpulan data melalui jumlah serahan notis yang telah diserahkan kepada pembayar cukai. Pemerhatian ini dilaksanakan di kawasan yang berbeza dan pengumpulan data seperti di Jadual 3. Hasil dapatan dari pemerhatian adalah seperti berikut :

DATA BAGI TAHUN 2020 (SEBELUM)

TAHUN	2020	
	BIL SERAHAN NOTIS	JUMLAH (RM)
SEPT	21	18,543.92
OKT	11	9,433.55
NOV	7	5,447.58
DIS	25	35,996.76
JUMLAH	64	50,877.89

JADUAL 3

JUMLAH SASARAN SERAHAN = 300

PENCAPAIAN SERAHAN = 64

64/300 = 21% SERAHAN

TINGKATKAN JUMLAH SERAHAN = SASARAN 60% !!!!

2) Penetapan Sasaran Outcome dan Impak

Berdasarkan kepada hasil pemerhatian seperti dalam Jadual 3 di atas, kumpulan telah menetapkan :

❖ Sasaran Outcome :

PENGUMPULAN DATA	SASARAN
Jumlah Serahan Notis Yang Diserah	Meningkatkan daripada 64 bilangan notis yang diserahkan kepada 300 notis.
Jumlah Kutipan bagi Tunggakan Cukai	Meningkatkan kutipan tunggakan cukai

JADUAL 4

❖ Sasaran impak projek :

ORGANISASI	Meningkatkan jumlah kutipan tunggakan cukai sekali gus dapat meningkatkan hasil kutipan MPKL
PELANGGAN	Kepuasan hati pelanggan
STAKEHOLDER	Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam di MPKL.
KEADAAN & EKOSISTEM SEMASA	Pelbagai infrastruktur yang dapat disediakan.

JADUAL 5

BAHAGIAN 3 : TINDAKAN PENYELESAIAN

a) Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan "Tools"

Kumpulan Smart Team menggunakan kaedah Design Thinking

Kaedah Design Thinking merupakan satu pendekatan yang berorientasikan manusia dengan memahami keperluan masyarakat dan mensintesis maklumat untuk memenuhi keperluan masyarakat. Kerjasama berpasukan serta persekitaran yang fleksibel merupakan faktor penentu kepada kejayaan pelaksanaan kaedah Design Thinking ini.

i. EMPHATIZE (Empati)

Empati merupakan proses pertama yang memerlukan pemahaman mengenai sesuatu perkara secara mendalam dengan menerapkan konsep empati iaitu dengan menyelami atau memahami perasaan serta emosi orang lain atau pihak ketiga. Penyelesaian sesuatu masalah akan menjadi lebih mudah apabila sifat empati wujud dalam diri seseorang individu dalam memahami individu lain.

FIKIR & RASA	DENGAR	LIHAT	KATA & LAKUKAN	HINDARI	IMPIKAN
Pelanggan dikenakan denda lewat	Aduan pelanggan tentang kenaan caj denda lewat	Dikenakan denda RM20	Tidak membayar cukai	Caj Denda Lewat	Terima bil tepat pada masa
Jabatan mengespos bil mengikut jadual	Arahan daripada Ketua Jabatan	Jumlah Kutipan Cukai Kurang	Bertindak selepas mendapat aduan pelanggan	Tunggakan Cukai yang Tinggi	Pengurangan Jumlah Tunggakan Cukai

JADUAL 6

ii. DEFINE (Tafsiran masalah)

Proses ini melibatkan proses menghurai atau menganalisis serta mendedahkan maklumat yang diperolehi dalam sesi empati dan seterusnya membuat kesimpulan atau rumusan terhadap permasalahan yang dipilih.

PENGGUNA (USER)	KEPERLUAN (USER'S NEED)	PANDANGAN (INSIGHT)
Pelanggan / Pembayar Cukai	Pelanggan membayar cukai taksiran pada tempoh yang ditetapkan	Untuk mengelakkan caj lewat bayar.
Penghantar Notis	Memastikan serahan notis berjaya dihantar	Supaya pemilik terima notis

JADUAL 7

RUMUSAN POV

Terdapat pelanggan yang tidak membayar cukai taksir dalam tempoh yang ditetapkan


Kakitangan mengambil masa yang lama untuk merekodkan data serahan notis yang telah diserahkan.

iii. IDEATE

BIL.	RUMUSAN POV	HOW MIGHT WE (IDEA PENYELESAIAN)	ANALISA KEBAIKAN & KEBURUKAN	KEPUTUSAN (TERIMA/TOLAK)
1	Terdapat pelanggan yang tidak membayar cukai taksir dalam tempoh yang ditetapkan	Menyerahkan notis sebagai peringatan kepada pelanggan membayar cukai taksir	Jumlah pembayaran cukai taksir meningkat	Diterima
2	Kakitangan mengambil masa yang lama untuk merekodkan data serahan notis yang telah diserahkan	Penambahbaikan Sistem Serahan Notis	Kakitangan yang keluar operasi	Diterima

b) Penghasilan dan Pengujian Prototaip

• PROTOTYPE



• TEST

Kumpulan Smart Team telah melaksanakan pengujian ke atas keberkesanan Sistem Modul Serahan Notis. Pelaksanaan ujicuba seperti di Lampiran di bawah.

Kumpulan telah membuat pengujian peralatan berasaskan beberapa kriteria seperti berikut:

- Mudah dikendalikan
- Sistem yang mesra pengguna
- Mempunyai laporan yang mengandungi maklumat yang lengkap

Ujicuba adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

No.	No. Notis	Tarikh Serahan	Cara Serahan	Nama Penghantar	No. Kp. Penghantar	Nama Penerima	No. Kp. Penerima
1.	201802024905	25-JAN-18	1	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
2.	201802020815	01-SEP-18	1	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
3.	201802020284	09-JAN-19	1	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
4.	201802020241	03-JUL-19	1	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
5.	2018020200170	03-JAN-19	1	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
6.	201802020284	14-FEB-19	1	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
7.	201802044018	24-OCT-19	1	AMIN B SAHARUDDIN	810827-10-5607	FOO EE SIN	670806-01-6267
8.	201802044401	21-NOV-19	1	AMIN B SAHARUDDIN	810827-10-5607	SITI HAWA BT AZMI	910620-05-5516
9.	2018020203545	01-SEP-19	3	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	888	1	1
10.	2018020203055	25-OCT-19	2	SALIM B SALAM	105245	-	-
11.	2018020203058	25-SEP-19	2	SALIM B SALAM	105245	-	-
12.	2018020203059	25-OCT-19	2	SALIM B SALAM	105245	-	-
13.	2018020203070	25-SEP-19	2	SALIM B SALAM	105245	-	-
14.	2018020203071	25-OCT-19	1	SALIM B SALAM	105245	-	-
15.	2018020203073	25-SEP-19	1	SALIM B SALAM	105245	B. MEERA PRIYA	810512-08-5920
16.	2018020203075	25-OCT-19	2	SALIM B SALAM	105245	-	-
17.	2018020203077	25-OCT-19	2	SALIM B SALAM	105245	-	-
18.	2018020203078	25-OCT-19	2	SALIM B SALAM	105245	-	-
19.	2018020203040	08-NOV-19	1	SALIM B SALAM	105245	SARFUDAH ABDUL SAMAT	730905105232
20.	2018020203028	14-OCT-19	1	AMIN B SAHARUDDIN	810827-10-5607	RAMESH A/L MUNANDY	841215-10-5083
21.	2018020203067	14-OCT-19	1	AMIN B SAHARUDDIN	810827-10-5607	MATHURANEERAN	660719-10-6353
22.	2018020203075	18-SEP-19	1	Mohd Megat	99654	Mohd Lorat bin Ibrahim	235491
23.	2018020203072	22-MAR-19	2	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
24.	2018020203074	22-MAR-19	2	JA	861227-43-6453	-	-
25.	2018020203075	22-MAR-19	2	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
26.	2018020203076	22-MAR-19	2	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
27.	2018020203074	01-MAR-19	0	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
28.	2018020203077	22-MAR-19	2	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
29.	2018020203070	22-MAR-19	2	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-
30.	2018020203071	22-MAR-19	2	MEGAT MUHAMMAD LUTFI	861227-43-6453	-	-

PERCUBAAN 1 – CETAK SENARAI SERAHAN
(TIADA BUTTON UNTUK Mencari NO. AKAUN)

class.mpk.gov.my/class/index.php?page=page_wrapper&menuID=6401

CLASS@MPKL
Computerized Local Authority Software Solution @ Majlis Perbandaran Kuala Langat

Home, April 06, 2023 | 10:00:00 AM

05. TARIKH / Proses Notis Denda Levat / Cetak Senarai Serahan

Cetak Senarai Serahan

Kategori Cetakan

No	NO NOTIS	NO AKAUN	TARIKH SERAHAN	NAMA PENGHANTAR	CARA SERAHAN	NAMA PEMERISA	Jumlah TUNGGAK
1.	20202056584	036211150024	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	JAMAL	1916.8
2.	20202056595	0362102100025	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	SUNAR	1377.9
3.	20202056663	036211150004	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	SUNARDI	1916.8
4.	20202056707	0362124130006	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	MCHD SYAFIQ	1807.3
5.	20202056794	0362124130010	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	ANASUL JINIS	490
6.	20202056841	036211110003	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	HAFTAR	2144.7
7.	20202056952	0362110000002	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	HAFTAR	1183
8.	20202056936	0362111100010	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	DEL	395.3
9.	20202056960	0362124130001	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	NORINAH	152
10.	20202056990	0362110000002	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	SHAMSUDIN	1299.3
11.	20202056931	0362111100003	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	UMI KALSIH	1183
12.	20202056903	0362102100001	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	HASRI	1402.8
13.	20202056994	0362102100004	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	TANGIAN	KABIRY	1620.1
14.	20202056987	0362124130003	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	152
15.	20202056908	0362124130007	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	885.2
16.	20202056970	0362124130009	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1123.1
17.	20202056979	0362124130001	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1784.4
18.	20202056965	0362124130010	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	152
19.	20202056964	0362124130008	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	152
20.	20202056967	0362124130009	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1803.5
21.	20202056996	0362110000002	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	489.2
22.	20202056994	0362110000010	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1830.6
23.	20202056984	03621104950025	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	224.6
24.	20202056981	0362110495000	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	224.6
25.	20202056976	03621104950014	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1320
26.	20202056956	0362102100003	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1176
27.	20202056965	0362111100005	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	533
28.	20202056961	0362111100005	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1794.5
29.	20202056963	0362111100005	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	122.3
30.	20202056925	03621080130003	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	132.2
31.	20202056950	0362111100001	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1943.4
32.	20202056919	03621080130014	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1638
33.	20202056914	03621080130007	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	658.1
34.	20202056957	03621080130002	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1409.1
35.	20202056940	0362111100002	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	122.3
36.	20202056935	0362111100008	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	172.2
37.	20202056932	0362111100004	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1794.5
38.	20202056901	03621104950017	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	742.2
39.	20202056983	0362110495001	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	1639.9
40.	20202056972	0362111000015	26-09-2022	MUHAMMAD NAZIRIN BIN MUAT YASIN	PETI SURAT	-	365.9

PERCUBAAN 2 – CETAK SENARAI SERAHAN (LAPORAN YANG MENUNJUKKAN NO. AKAUN)

class.mpk.gov.my/class/index.php?page=page_wrapper&menuID=5036

CLASS@MPKL
Computerized Local Authority Software Solution @ Majlis Perbandaran Kuala Langat

Home, April 06, 2023 | 10:00:00 AM

05. TARIKH / 0502. Proses Notis Denda Levat / 050205. Kemaskini Serahan Notis

050205. Kemaskini Serahan Notis

Rekod Notis: No Notis

Tarikh Serahan: Cara Serahan:

Rekod Serahan:

Nama Penghantar:

No KP Penghantar:

Nama Penerima:

No KP Penerima:

Rekod Akaun:

Tiada Rekod

Cetak Senarai Serahan Kemaskini: Hapus, Batalkan

PENAMBAHBAIKAN SISTEM MODUL SERAHAN NOTIS.

c) Perakuan daripada pihak bertauliah/pihak berkuasa

Pengurusan tertinggi telah memberikan kebenaran dalam mengguna pakai segala modul yang terdapat dalam Sistem CLASS. Pihak Bahagian teknologi Maklumat juga membantu dalam memberi latihan dan membangunkan Modul Serahan Notis ini

d) Pelaksanaan Inovasi

Melalui penambahbaikan ini, Kumpulan telah berjaya untuk **MENINGKATKAN JUMLAH SERAHAN NOTIS** seperti dalam rajah di bawah:

DATA BAGI TAHUN 2021 (MENGGUNAKAN SISTEM)

TAHUN	2021	
	BIL SERAHAN NOTIS	JUMLAH (RM)
SEPT	82	133,679.59
OKT	88	157,652.66
NOV	97	178,893.28
DIS	100	215,279.97
JUMLAH	367	685,505.50

JADUAL 8



JUMLAH SASARAN SERAHAN = 300 PENCAPAIAN SERAHAN = 367 $367/300 = 121\%$ SERAHAN BERJAYA MENCAPAI SASARAN SERAHAN !!!
--

Berdasarkan pada Jadual 3, serahan notis yang dapat diserahkan kepada pelanggan adalah sebanyak 64 bil notis iaitu data dari September 2020 sehingga Disember 2020 dengan jumlah notis adalah sebanyak RM 50,877.89 iaitu 21% serahan dari yang disasarkan. Jumlah ini tidak mencapai sasaran jabatan kerana jabatan mensasarkan sebanyak 300 bil notis yang akan diserahkan kepada pelanggan pada tahun 2020 sebelum penambahbaikan dilakukan. Sasaran ini tidak dapat dicapai disebabkan masa yang lama diperuntukkan untuk merekodkan serahan notis yang dilakukan.

Selepas penambahbaikan, Jadual 8 menunjukkan Penghantar Notis berjaya membuat serahan sebanyak 367 bil notis kepada pelanggan pada tahun 2021. Bilangan ini telah berjaya mencapai sasaran jabatan iaitu jabatan mensasarkan sebanyak 300 bil notis yang harus diserahkan kepada pelanggan. Penambahbaikan ini telah menjimatkan masa Penghantar Notis tanpa perlu menunggu Ketua Jabatan untuk mengesahkan notis yang akan diserahkan dan Penghantar Notis boleh membuat serahan selepas menerima bil notis. Kerja akan menjadi lebih mudah apabila menggunakan sistem kerana segala serahan akan direkodkan di sistem dan laporan boleh diakses oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Kesan daripada pencapaian sasaran serahan notis ini, MPKL berjaya menurunkan jumlah tunggakan cukai yang tinggi. Hal ini kerana, kesan dari kekerapan serahan notis yang diserahkan kepada pelanggan membuatkan pelanggan peka dan sedar akan tanggungjawab mereka untuk membayar cukai. Tindakan sitaan oleh Pegawai Waran juga membuatkan pelanggan berasa takut akan tindakan undang-undang yang diambil oleh MPKL jika pelanggan mengabaikan notis cukai yang diterima. Selain itu, kesan dari penambahbaikan ini juga membuatkan pelanggan

yang datang membayar cukai, membuat bayaran untuk 1 tahun sekali gus dan ada juga pelanggan yang datang membuat bayaran lebih daripada jumlah yang perlu dibayar kerana ingin mengelakkan caj denda lewat dan tindakan sitaan dikenakan kepada akaun cukai taksiran mereka.



Berdasarkan Rajah 1 juga menunjukkan jumlah kutipan cukai yang dikutip oleh MPKL meningkat dari RM 28 juta kepada RM 33 juta. Perkara ini adalah pencapaian yang terbesar untuk jabatan dan MPKL kerana berjaya meningkatkan hasil pendapatan MPKL selepas penambahbaikan modul serahan notis ini.



Tarikh : 19/01/2022 09:08 AM
Mukasurat : 12 / 12

Senarai Ringkas Pembayaran Mengikut Tarikh
Dari Tarikh 01-01-2021 Hingga 31-12-2021

BIL.	TARIKH	CUKAI DULU
342	08-12-2021	13,233.95
343	09-12-2021	5,309.35
344	10-12-2021	3,595.70
345	11-12-2021	404.70
346	12-12-2021	0.00
347	13-12-2021	14,243.30
348	14-12-2021	13,146.55
349	15-12-2021	13,263.80
350	16-12-2021	8,037.80
351	17-12-2021	8,590.40
352	18-12-2021	1,448.50
353	19-12-2021	0.00
354	20-12-2021	5,770.20
355	21-12-2021	10,773.55
356	22-12-2021	14,569.89
357	23-12-2021	21,461.83
358	24-12-2021	26,663.54
359	25-12-2021	0.00
360	26-12-2021	384.40
361	27-12-2021	33,262.07
362	28-12-2021	25,481.05
363	29-12-2021	14,307.55
364	30-12-2021	18,537.70
365	31-12-2021	24,011.60
JUMLAH IKUT BULAN 12-2021		332,985.47
JUMLAH KESELURUHAN		5,273,671.45

JABATAN BERJAYA MENGUTIP SEBANYAK RM 5.27 JUTA TUNGGAKAN CUKAI PADA TAHUN 2021

RAJAH 2

Rajah 2 pula menunjukkan sasaran kutipan tunggakan cukai pada 2021 yang disasarkan adalah sebanyak RM6 juta dan jumlah kutipan cukai yang dikutip oleh MPKL adalah sebanyak RM5.2 juta. Ini menunjukkan MPKL berjaya mencapai sasaran sebanyak 88% walaupun kutipan pada musim pandemik Covid 19.

1. KEBERHASILAN PROJEK

4.1 Pencapaian Outcome dan Pembuktian

- i. Peningkatan hasil kutipan tunggakan cukai taksiran
- ii. Memberi penjimatan masa dalam proses serahan notis sehingga ke proses penyediaan fail waran
- iii. Laporan yang dapat dipantau dari masa ke semasa.

a) NILAI TAMBAH / VALUE ADDED

- i. Mengemaskini data atau maklumat kutipan pembayaran kutipan yang lebih cepat dan ringkas.
- ii. Mengurangkan jumlah tunggakan cukai taksiran
- iii. Meningkatkan kutipan melalui operasi yang semakin kerap dijalankan.
- iv. Pembayar cukai lebih peka terhadap tanggungjawab mereka dalam menjelaskan cukai taksiran.

4.2 IMPAK PROJEK

- i. Pengurusan tertinggi berpuas hati dengan penurunan kadar tunggakan cukai taksiran.
- ii. Sistem kerja Penghantar Notis yang lebih sistematik dan teratur.
- iii. Sistem penyampaian MPKL bertambah baik dan berkualiti seiring dengan piagam pelanggan MPKL serta dapat meningkatkan imej MPKL di mata pelanggan.
- iv. Kesedaran pembayar cukai yang culas untuk menjelaskan tunggakan cukai kerana kekerapan tindakan waran yang diambil.
- v. Semakan oleh Pegawai Waran untuk penyediaan waran lebih baik apabila sistem ditambah baik berbanding tahun sebelum, dimana data dikemaskini secara manual dalam format Excel.

5. POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

a) Tahap Ketersediaan Teknologi/Sistem/Proses

- Wujud S.O.P atau Manual Pengguna (User Guide)


b) Tahap Replikasi atau Pengkomersialan

- Memperluaskan inovasi ini kepada jabatan lain.

PENUTUP

APLIKASI MODUL SERAHAN NOTIS ini boleh menjadi satu inisiatif budaya kerja kreatif dan inovatif yang berkesan dalam usaha Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi kerajaan dalam menambahbaik tatacara penyediaan notis dan waran.

Usaha kerajaan untuk mentransformasikan sektor awam berteraskan inovasi juga akan tercapai dengan penghasilan APLIKASI MODUL SERAHAN NOTIS ini dan sekaligus akan dapat meningkatkan imej perkhidmatan awam ke arah yang lebih baik.



LAMPIRAN



MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Persiaran Majlis,
Jalan Sultan Alam Shah,
42700 Banting,
Selangor Darul Ehsan,
MALAYSIA.



Tel: 603-3187 2825 / 3187 2723 /
3187 8957 / 3187 7143.
Faks: 603-3187 9304.
Portal Rasmi : www.mdki.gov.my
E-mel : admin@mdki.gov.my

"KINI MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT"

Ruj.Kami : MDKL/JKP/04/53 Jld 13 (50)

Tarikh : 10 September 2020

Cik Nor Adilah binti Jasmawardi
Pembantu Tadbir (Kewangan) W19
Jabatan Perbendaharaan

Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI SETIAUSAHA KUMPULAN JABATAN PERBENDAHARAAN
BAGI JAWATANKUASA PEMANDU KUMPULAN INOVATIF & KREATIF MAJLIS
PERBANDARAN KUALA LANGAT (KIK – MPKL)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan puan dilantik sebagai Setiausaha Kumpulan Jabatan Perbendaharaan untuk program Kumpulan Inovatif & Kreatif, Majlis Perbandaran Kuala Langat bagi sesi tahun 2020 hingga 2021.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan komitmen puan dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab sangat di hargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SELANGOR MAJU BERSAMA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(HISHAMMUDDIN BIN ISMAIL)

Penyelaras,
Kumpulan Inovatif dan Kreatif,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

s.k. i) Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan

ii) Ketua Kumpulan
Jabatan Perbendaharaan

KUALA LANGAT INDAH & HARMONI



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. No. QMS 00822



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. No. MY-QMS 00822



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO. ABMS 00121



LAMPIRAN 1A



LAMPIRAN 1B

SULIT

**MESYUARAT KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
SMART TEAM, JABATAN PERBENDAHARAAN
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

TARIKH : 28 DISEMBER 2020 (ISNIN)
MASA : 2.30 PETANG
TEMPAT : BILIK MESYUARAT HASIL

HADIR

1. Muhammad Hafizi Bin Abd. Aziz - Pengerusi
2. Noor Adilah binti Jasmawardi
3. Nur Amira Saadiah binti Abdul Razak
4. Izzah Eliza binti Rosnizan
5. Muhammad Muizzuddin bin Moksni
6. Mohammad Darwin bin Mohd Diah
7. Muhammad Haziq bin Kamaruddin
8. Iffa Elyna binti Atan
9. Megat Muhammad Lutfi bin Abdul Aziz
10. Mohd Zain bin Mohd Rudin

BIL	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	BACAAN AL-FATIAH	
1.1	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab Al-Fatihah.	
2.0	UCAPAN Pengerusi MESYUARAT	
2.1	Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan salam sejahtera. Seterusnya, Tuan Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat.	

SULIT

SULIT

3.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN	
3.1	Logo Kumpulan - Logo kumpulan telah disediakan dan perlu ditambah baik	
3.2	Pemilihan masalah i) Kaedah Penyampaian Bil Cukai ii) Kesedaran Pembayar Cukai iii) Resit Untuk Pembayaran Online iv) Pemilik Cukai Tidak Mendapat Bil Cukai v) Surat Amaran Dikeluarkan Secara Manual vi) Tuntutan Elaun Lebih Masa Tidak Mengikut Tempoh Yang Ditetapkan vii) Pemilik Gagal Mengikut Jadual Ansuran viii) Notifikasi Untuk Pembayaran Secara Eft	
4.0	HAL-HAL LAIN	
4.1	Pengerusi memohon kerjasama semua ahli untuk bekerjasama dalam menjayakan projek kali ini.	
5.0	UCAPAN PENANGGUHAN	
	Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat kali ini.	

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.00 petang.

Disediakan oleh :
Setiausaha Kumpulan Smart Team,
Jabatan Perbendaharaan,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

SULIT

LAMPIRAN 1C



MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
 Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,
 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan
 Tel : 03-31872825/2732/8957/7143 Fax : 03-31879304

KENYATAAN TUNTUTAN CUKAI



NO AKAUN : 0308852010002 (01)
 NAMA : TANG AH KING
 ALAMAT PEMILIK : LOT 1871, LORONG 1,
 KAMPUNG TUMBUK DARAT,
 42800 TANJUNG SEPAT INDAH.



NO BIL : 201701114333
 TARIKH : 01-07-2017
 TEMPOH : JUL - DIS 2017

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT TELAH MENGENAKAN KADAR CUKAI TAKSIRAN SEBANYAK 7.5% BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 2017. TUAN/PUAN DIKEHENDAKI MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN BAGI SETENGAH TAHUN KEDUA 2017 SEPERTI YANG DICATATKAN DIBAWAH.

ALAMAT DAN KETERANGAN HARTA

ALAMAT HARTA : LOT 1871, LORONG 1,
 KAMPUNG TUMBUK DARAT,
 42800 TANJUNG SEPAT INDAH.

NO LOT : LOT 1871
 NO HAKMILIK :
 JENIS PEGANGAN :
 MUKIM : BATU

TAKSIRAN	
NILAI TAHUNAN	RM 8240
KADAR	7.5%
TAKSIRAN TAHUNAN	RM 466

BAYARAN	
BAKI DAHULU	RM 1,404.00
TOK. SEMASA	RM 2,340.00
CUKAI SEMASA	RM 234.00
JUMLAH KECIL	RM 3,978.00

CATATAN	
PERHATIAN PENYEWA / PEMILIK Sila hadir ke pejabat kami (MPKL) sebelum.....untuk menjelaskan tunggakan cukai taksir anda bagi mengelakkan tindakan UNDANG dan HARTA anda D-SITA	

CAJ LEWAT	RM 280.00
WARAN	RM 100.00
LAIN-LAIN	RM 0.00
BAYARAN LEBIH	RM 0.00
JUMLAH	RM 4,358.00




MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
KENYATAAN TUNTUTAN CUKAI

MAKLUMAT PEMILIK/HARTA	
NO. BIL	: 201701114333
NO. AKAUN	: 0308852010002 (01)
NAMA	: TANG AH KING
ALAMAT HARTA	: LOT 1871, LORONG 1, KAMPUNG TUMBUK DARAT, 42800 TANJUNG SEPAT INDAH.
TARIKH	: 01-07-2017
TEMPOH	: JUL - DIS 2017
NO. LOT	: LOT 1871
NO. HAKMILIK	:

BAYARAN	
BAKI DAHULU	RM 1,404.00
TOK. SEMASA	RM 2,340.00
CUKAI SEMASA	RM 234.00
JUMLAH KECIL	RM 3,978.00
CAJ LEWAT	RM 280.00
WARAN	RM 100.00
LAIN-LAIN	RM 0.00
BAYARAN LEBIH	RM 0.00
JUMLAH	RM 4,358.00

(Sila cetak dalam 728/FA/19 - maklumat 1/1/17/0022/ 07/24/19/ 228)

BAHAGIAN DEPAN NOTIS TUNGGAKAN CUKAI



AMARAN

KEGAGALAN MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN AKAN MENYEBABKAN
HARTA DISITA DAN DIKENAKAN TINDAKAN UNDANG UNDANG

GAMBAR-GAMBAR SITAAN

